



PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI ISNIN: 2 NOVEMBER 2009

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**
Sidek/jwp.09

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 3, 9 HINGGA 39)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 2, 4 HINGGA 8

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MASIR ANAK KUJAT
[SRI AMAN]
TARIKH : 2 NOVEMBER 2009
SOALAN :

Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) bilakah kerja-kerja membaik pulih Hospital Sri Aman akan dimulakan; dan
- (b) bilakah penambahan bilangan mesin dialisis Hospital Sri Aman akan dilakukan untuk penyakit kronik buah pinggang.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerja-kerja membaik pulih beberapa bahagian dalam kawasan Hospital Sri Aman telah dan sedang dijalankan dengan menggunakan peruntukan Projek Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE 2) sebanyak RM452,800 yang melibatkan pembelian alat

Hemodialisis sebanyak 16 unit. Kerja-kerja ini dijangka siap dan mula beroperasi pada Disember 2009.

- (b) Pada masa ini Unit Hemodialisis, Hospital Sri Aman masih boleh menampung jumlah pesakit yang sedia ada dengan 7 unit mesin Hemodialisis. Sehubungan itu Jabatan Kesihatan Negeri dalam perancangan untuk menaiktaraf Fasiliti Unit Hemodialisis termasuk penambahan mesin Hemodialisis.

SOALAN NO: 9

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG
[LAWAS]
TARIKH : 2 NOVEMBER 2009
RUJUKAN : 2082

SOALAN:

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah bangunan baru Balai Polis / Kompleks Polis Daerah Lawas yang baru akan didirikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Lawas yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) dan Balai Polis Lawas telah dirancang pembinaannya di dalam Rancangan Malaysia ke sembilan (RMKe-9) di bawah pembinaan oleh Syarikat BLT Sdn. Bhd. Memandangkan peruntukan yang terhad dan tidak mencukupi, projek ini terpaksa ditangguhkan pelaksanaannya walaupun pelan pembangunan telah siap dan diluluskan.

Projek ini akan dimasukkan semula sebagai keutamaan nombor satu (1) di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) 2011-2015 dengan anggaran kos projek RM50 juta.

Perjawatan sekarang di IPD dan Balai Polis Lawas ialah seramai 127 pegawai dan anggota. Manakala kekuatan, iaitu perjawatan yang telah diisi ialah seramai 91 pegawai dan anggota.

Dengan keadaan bangunan yang sedia ada yang tidak selesa dan sempit berbanding dengan jumlah anggota yang bertugas adalah wajar dibagunkan IPD dan balai polis Lawas yang baru. Dengan terbinanya IPD dan Balai Polis Lawas yang baru ini, Kerajaan akan memastikan kekuatan anggota polis di kawasan tersebut di isi sepenuhnya seperti yang telah diluluskan.

Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF**
(RANTAU PANJANG)

TARIKH : **2 NOVEMBER 2009 (ISNIN)**

SOALAN :

Y.B. Puan Siti Zailah Binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah dan peratus pekerja OKU di Kementerian. Apakah bukti kesungguhan Kerajaan dalam mencapai sasaran dasar 1 peratus pekerja OKU dalam perkhidmatan awam sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2008.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah pekerja OKU di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) adalah seramai 109 orang atau 2.67 peratus daripada jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan KPWKM.

Kesungguhan Kerajaan dalam memastikan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2008 dicapai dapat dilihat kepada perkara-perkara berikut :-

- i. Seramai 275 orang pekerja OKU telah diambil bagi mengisi pelbagai skim perkhidmatan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk tahun 2008. Ini merupakan peningkatan sebanyak 105 peratus (%) berbanding dengan tahun 2007; .
- ii. Penubuhkan satu Jawatankuasa Pekerjaan di bawah Majlis Kebangsaan Bagi OKU yang diketuai oleh Kementerian Sumber Manusia bagi merancang dan memantau pelaksanaan program-program utama seperti berikut:-
 - a. Pengambilan OKU di sektor awam;
 - b. Pendaftaran dan penempatan OKU di sektor swasta;
 - c. Program promosi penggalakan penggajian OKU;
 - d. Skim Bantuan Galakan Perniagaan bagi OKU (SBGP- OKU);
 - e. Program 'Return To Work', PERKESO; dan
 - f. Program Latihan dan Pembangunan Kemahiran OKU di sektor awam dan swasta.
- iii. Pelaksanakan Program Penggalakan Peluang Pekerjaan Karnival Kerjaya oleh Jabatan Tenaga Kerja pada 28 Jun 2008 dan Ekspo Pekerjaan OKU pada 3 Disember 2008 oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada OKU mengenai peluang-peluang pekerjaan yang tersedia untuk mereka. Pendaftaran Pencari Kerja OKU secara *online* juga telah dilancarkan sempena Ekspo Pekerjaan OKU tersebut;

- iv. Pendaftaran pekerja OKU secara, dengan izin, '*online*' yang boleh dicapai melalui laman web JKM, Jabatan Tenaga Kerja (*Jobs Malaysia*), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA 8) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Sehingga 9 September 2009, pendaftaran pekerja OKU secara *online* melalui laman web JKM telah digunakan oleh seramai 350 orang OKU untuk mendaftar kerja manakala pendaftaran pekerja OKU secara manual yang diuruskan oleh JKM pula adalah seramai 431 orang;
- v. Pemantauan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ke atas laporan daripada Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan mengenai pengisian perjawatan bagi OKU selaras dengan keperluan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3/2008;
- vi. Pelaksanaan latihan sebagai, dengan izin, '*Job Coach*' diberikan kepada 97 orang pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Tenaga Kerja. *Job Coach* berperanan memberi khidmat sokongan dan bimbingan dengan menyalurkan informasi mengenai peluang-peluang pekerjaan bagi OKU serta membantu OKU mendapat pekerjaan dan kekal dalam pekerjaan;
- vii. Penyediaan senarai perjawatan yang sesuai untuk OKU, dengan izin, '*job matching*' bagi membantu SPA melantik calon-calon OKU yang bersesuaian dengan tahap ketidakupayaan mereka; dan

- viii. Perbincangan secara berkala dengan JPA untuk mendapat kelonggaran syarat-syarat tertentu pengambilan OKU dalam sektor awam seperti syarat kelulusan minimum dalam Bahasa Melayu (lulus dalam Bahasa Melayu).

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN TAN AH HENG
(GELANG PATAH)**

**TARIKH : 2 NOV 2009
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

- (a) kegunaan tanah terbiar tapak asrama askar di kawasan Skudai Gelang Patah; dan**
- (b) rancangan yang rapi untuk menyelesaikan masalah tanah terbiar dalam masa yang singkat supaya mengelakkan banjir kilat akibat kawasan terbiar.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Tanah terbiar tapak asrama askar di kawasan Skudai, Gelang Patah yang dimaksudkan tersebut adalah merupakan tapak cadangan pembinaan kem tentera yang baru. Mengikut perancangan, Kem Tebrau dan Kem Majidee akan dipindahkan ke kem baru ini apabila pembinaannya siap kelak.

Tuan Yang di-Pertua,

Berhubung kejadian banjir kilat seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Gelang Patah, Kementerian ingin menegaskan bahawa kejadian tersebut bukan disebabkan oleh air yang mengalir keluar dari tapak cadangan pembinaan kem tentera tersebut. Kejadian banjir kilat di kampung yang terletak 5 km dari tapak tersebut sering terjadi terutama apabila musim hujan lebat kerana kawasan berkenaan adalah kawasan rendah, bahkan banjir kilat ini telah berlaku sebelum projek kem ini bermula lagi.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]
TARIKH : 2 NOVEMBER 2009 (ISNIN)
SOALAN : 12

minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan sejauh manakah Kementerian melalui SIRIM boleh memantau kualiti dan kebenaran dakwaan maklumat pada setiap pengeluaran produk kesihatan contohnya alat penapis air, alatan kesihatan dan sebagainya yang begitu banyak di pasaran. Apa jaminan rakyat mendapat kualiti terbaik.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

SIRIM melalui anak syarikatnya SIRIM QAS International menyediakan khidmat pensijilan, pemeriksaan dan pengujian. Melalui khidmat-khidmat tersebut, organisasi dari sektor awam dan industri boleh membuktikan bahawa produk, perkhidmatan dan sistem pengurusan mereka adalah mematuhi standard kebangsaan atau standard antarabangsa. Pematuhan ini juga bermakna organisasi tersebut komited didalam mengeluarkan perkhidmatan yang berkualiti.

Pensijilan barangan adalah mandatori bagi produk - produk yg diperlukan menetapi standard berkaitan mengikut ketetapan undang-undang. Setakat ini, agensi-agensi yang telah menetapkan produk mandatori ini ialah Suruhanjaya Tenaga, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Pengangkutan Jalanraya dan Jabatan BOMBA dan Penyelamat. Selain itu skim pensijilan barangan adalah

terbuka kepada pengilang produk yang ingin mendapatkan pensijilan secara sukarela untuk produk yang tidak disenaraikan sebagai mandatori.

Selain dari SIRIM, agensi-agensi lain yang bertanggungjawab memantau keselamatan dan kualiti barangan ialah Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia khususnya untuk barangan makanan dan ubatan

Berhubung dengan solan yang dikemukakan oleh YB Petaling Jaya Selatan, SIRIM memainkan peranan di dalam memastikan kualiti produk-produk yang berada di pasaran melalui pemantauan yang berterusan di mana sampel-sampel produk akan dipilih dari pasaran dan diuji untuk memastikan spesifikasi peralatan mencapai standard yang ditetapkan oleh SIRIM. Sampel-sampel ini dipilih hanya dari produk-produk yang telah memperolehi pensijilan barangan.

Merujuk kepada produk kesihatan (seperti alat penapis) yang mendapat pensijilan daripada SIRIM QAS International di bawah Skim Pensijilan Produk, produk tersebut disahkan berdasarkan standard MS IEC 60335 iaitu spesifikasi untuk keselamatan barangan elektrik yang mengesahkan produk tersebut selamat untuk digunakan. Ini adalah kerana produk ini adalah juga merupakan sejenis produk elektrik yang termasuk didalam senarai produk mandatory untuk pensijilan barangan. Ciri-ciri keupayaan / prestasi produk berkenaan tidak termasuk didalam skop skim pensijilan barangan SIRIM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH
[BATU SAPI]
TARIKH : 2 NOVEMBER 2009
SOALAN :

Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berikutan kekurangan doktor dan jururawat di hospital Duchess of Kent di Sandakan yang begitu kritikal seperti yang dinyatakan oleh pengerusi Lembaga Pelawat-pelawat pada bulan Jun, 2009, apakah langkah yang diambil bagi memperbaiki keadaan tersebut dan apakah situasinya sekarang.

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga 30 September 2009, jumlah keseluruhan jawatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Perubatan Pakar di Hospital Duchess of Kent ialah sebanyak 167 jawatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 99 jawatan (59.3%) telah diisi dan 68 jawatan (40.7%) masih lagi kosong. Manakala

bagi jawatan Jururawat pula, jumlah keseluruhan jawatan adalah sebanyak 378 jawatan yang mana 371 (98.15%) jawatan telah pun diisi. Bakinya sebanyak 7 jawatan (1.85%) masih lagi kosong.

Kerajaan sedar akan masalah kekurangan Pegawai Perubatan dan jururawat di Hospital Duchess of Kent. Justeru, Kementerian telah melaksanakan beberapa usaha bagi menangani masalah tersebut. Antaranya:

- i. Menumpukan usaha untuk menarik pelajar-pelajar perubatan warga negara berkhidmat dengan KKM semasa mereka masih lagi dalam tempoh pengajian;
- ii. Menawarkan pelantikan secara kontrak kepada pegawai-pegawai yang telah bersara wajib dengan syarat mereka mempunyai prestasi yang cemerlang dan sihat tubuh badan;
- iii. menggunakan khidmat Pegawai Perubatan swasta untuk bertugas di hospital-hospital Kerajaan secara *sessional*;
- iv. Melaksanakan pengambilan Pegawai Perubatan dan jururawat bukan warganegara secara kontrak;

- v. Menambahbaik terma dan syarat-syarat perkhidmatan Pegawai Perubatan dan anggota paramedik dengan mewujudkan pelbagai insentif dan peluang kemajuan kerjaya yang baik;

- vi. Bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia bagi Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Yang Berkepakaran Yang Bekerja Di Luar Negara Pulang Ke Malaysia; dan

- vii. Memperkenalkan '*Locum*', '*Full Paying Patient*' serta elaun-elaun dan insentif-insentif yang lebih menarik kepada Pegawai Perubatan termasuklah insentif-insentif tertentu kepada anggota paramedik.

SOALAN NO: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 2 NOVEMBER 2009

SOALAN:

Y.B. Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap pekerja asing yang masuk tidak dalam golongan sektor perkhidmatan, binaan dan pertanian.

PR-1223-L33520

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mempunyai dasar yang jelas mengenai kawalan kemasukan pekerja asing ke negara ini bagi menjamin peluang-peluang pekerjaan di negara ini diberi keutamaan kepada rakyat tempatan.

Bagi makluman Yang Berhormat, kemasukkan pekerja asing ke negara ini adalah terhadap kepada sektor pekerjaan yang dibenarkan sahaja. Sektor-sektor yang dibenarkan adalah sektor perkhidmatan, pembuatan, pembinaan, pertanian dan perladangan sahaja. Pekerja asing ini hanya dibenarkan untuk bekerja sebagai pekerja asas dan tidak dibenarkan sama sekali untuk bekerja sebagai pekerja barisan hadapan untuk semua sektor.

Pekerja asing yang bekerja di lokasi atau jawatan yang berlainan daripada Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) tanpa kelulusan bertulis daripada Kementerian Dalam Negeri

akan diambil tindakan undang-undang dibawah Akta Imigresen kerana melanggar Peraturan 39(b), Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

DR(19Okt.-15Dis.09)/has...6.10.09/AbdullahSaniL33525

SOALAN NO. 15

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
KAWASAN : KUALA NERUS
TARIKH : 2.11.2009 (ISNIN)

YB. DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah pengeluaran Permit Import (AP) kenderaan setakat ini dan sejauh manakah kesannya terhadap industri automobill negara serta apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan pengeluaran AP itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Lesen Import (AP) bagi kenderaan dikategorikan kepada dua iaitu AP Terbuka dan AP Francais dan had bumbung bagi kedua-dua kategori adalah berdasarkan 10% daripada jumlah pengeluaran kenderaan (TIV) tahun sebelumnya.

Bagi tempoh lima tahun bermula 2005 sehingga 5 Oktober 2009, jumlah Lesen Import (AP) kenderaan (AP Terbuka dan AP Francais) yang telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat pemegang AP adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Jumlah AP Keluar (unit)</u>
2005	57,267
2006	38,545
2007	27,838
2008	40,886
<u>2009 (sehingga 5 Oktober 2009)</u>	18,354

Pengimportan kenderaan melalui pemberian AP tidak memberi kesan secara langsung terhadap industri automotif negara kerana kenderaan yang diimport adalah kenderaan mewah, berkapasiti enjin melebihi 2,000cc dan harga yang mahal memandangkan setiap kenderaan import perlu dibayar cukai yang tinggi. Selain itu, jumlah kenderaan import adalah kecil memandangkan had bumbung peruntukan AP tahunan adalah 10% daripada pengeluaran kenderaan tahun sebelumnya.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : YB DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD
GHAZALI [TITIWANGSA]**

TARIKH : ISNIN, 2 NOVEMBER 2009

RUJUKAN : 01

SOALAN :

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan :

apakah perancangan DBKL untuk PPR Desa Rejang, Setapak tentang penambahbaikan pasar basah yang seperti pasar 'cowboy' serta bilakah pembinaan rumah mayat untuk bukan Islam akan dimulakan sedangkan permohonan telah dibuat berkali-kali.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Titiwangsa, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merancang dan menyediakan kemudahan pasar kepada penduduk setempat di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR) Desa Rejang, Setapak yang sebelum ini tidak diperuntukkan dengan kemudahan tersebut. **DBKL telah menyediakan sebuah pasar sementara di kawasan PPR Desa Rejang, Setapak dengan disertai oleh 52 orang peniaga.** Peniaga-peniaga ini terdiri daripada para peniaga yang sebelum ini menjalankan perniagaan mereka di Pasar Blok A, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Pasar sementara yang dibina di PPR Desa Rejang, Setapak adalah berkonsepkan sebuah pasar tanpa bumbung. Dalam usaha untuk menambah baik pasar sementara tersebut, DBKL telah melengkapkan pasar tersebut dengan kemudahan bekalan air, lantai konkrit, pagar dan longkang. Walau bagaimanapun, **pada masa ini, pihak DBKL hanya bercadang untuk menyelenggara tapak pasar sementara PPR Desa Rejang, Setapak dan tidak merancang untuk membina bumbung atau menyalurkan bekalan elektrik kerana pasar tersebut**

adalah bersifat sementara sebelum projek pembangunan pasar yang bersifat kekal di kawasan berhampiran dilaksanakan.

Manakala bagi **pembinaan rumah mayat untuk masyarakat bukan Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula, ia masih lagi di peringkat perancangan DBKL**. DBKL amat memahami keperluan-keperluan tertentu yang perlu dipenuhi oleh setiap penganut agama bukan Islam dalam soal pengurusan mayat mereka. Dalam hal ini, **DBKL sedang mencari tapak sesuai untuk melaksanakan pembinaan rumah mayat dan tempat pembakaran mayat bagi masyarakat bukan Islam di Kuala Lumpur** secara keseluruhan dan bukan hanya dikhususkan untuk penduduk di kawasan PPR Desa Rejang, Setapak sahaja.

SOALAN NO. 17

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG

KAWASAN : SIBUTI

TARIKH : 02.11.2009 (ISNIN)

PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapakah jumlah dana bantuan dan pinjaman oleh agensi Kerajaan yang berkenaan yang telah diberikan kepada golongan yang menceburi Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sepanjang tempoh kewangan tahun 2009.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi sepanjang tempoh kewangan tahun 2009, sebanyak 174 program pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dilaksanakan oleh 13 Kementerian dan 3 Agensi dengan komitmen kewangan berjumlah RM3.04 bilion. Fokus utama program pembangunan PKS 2009 adalah tertumpu

kepada pengukuhan daya maju PKS dalam semua sektor ekonomi. Dari segi teras strategik, program utama termasuk:

- 26 program (15 peratus) untuk mengukuhkan infrastruktur yang menyokong pembangunan PKS, dengan jumlah peruntukan bantuan sebanyak RM150.8 juta;
- 129 program (74 peratus) untuk membina kapasiti dan keupayaan PKS dengan jumlah peruntukan bantuan sebanyak RM542.5 juta; dan
- 19 program (11 peratus) untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS dengan bantuan kewangan berjumlah RM 2,350 juta.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN
(KULIM BANDAR BARU)**

**TARIKH : 2 NOV 2009
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:-

a) adakah Kerajaan bercadang membuat pengasingan kem bagi pelatih-pelatih wanita Program Latihan Khidmat Negara ataupun memberikan pilihan kem berasingan bagi mereka yang berminat dan

(b) mengapakah modul dan program latihan (bagi pelatih Muslim) di Program Latihan Khidmat Negara tiada penekanan kepada aspek agama seperti mewajibkan solat jemaah tiap waktu, qiamullail dan lain-lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Salah satu matlamat Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) adalah bertujuan untuk mewujudkan perpaduan antara kaum melalui pendedahan pembelajaran pelbagai budaya, adat resam, agama, bangsa, etnik dan *gender sensitization*. Pendekatan ini dijangka mampu memberi kefahaman dan semangat toleransi di kalangan pelatih yang datang daripada pelbagai latar belakang.

Menurut kaji selidik yang dibuat oleh Kementerian, didapati bahawa ibu bapa pelatih dan pelatih-pelatih menolak cadangan pengasingan kem bagi pelatih-pelatih wanita yang akan mengikuti Program Latihan Khidmat Negara. Cadangan tersebut jika dilaksanakan akan melahirkan generasi muda yang kurang berkeyakinan untuk bergaul dan berinteraksi di antara jantina yang berbeza dalam kehidupan sebenar kerana kesukaran berkomunikasi, berinteraksi atau melaksanakan tugas bersama. Di samping itu, usaha untuk mewujudkan perpaduan kaum di kalangan pelatih lelaki dan perempuan tidak dapat dipupuk sekiranya mereka diasingkan.

Sehubungan dengan itu, Kementerian tidak bercadang untuk membuat pengasingan kem ataupun memberi pilihan kem berasingan bagi pelatih-pelatih wanita PLKN.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) sememangnya menekankan modul keagamaan bagi kesemua pelatih untuk memupuk nilai-nilai murni serta keperibadian yang mulia. Bagi merealisasikan hasrat ini, aktiviti kerohanian yang disediakan melalui modul agama Islam dan bukan Islam diwajibkan kepada semua pelatih.

Antara modul kerohanian pelatih Islam termasuk mewajibkan mereka mengerjakan solat lima waktu secara berjemaah di surau, menunaikan solat Jumaat bagi pelatih lelaki dan mengamalkan zikir munajat sebelum dan selepas solat lima waktu sebagai amalan harian. Di samping itu, aktiviti ceramah, bengkel, seminar keagamaan, qiamullail dan tahajjud juga diadakan pada setiap bulan. Dengan adanya program kerohanian sedemikian akan membentuk dan mewujudkan modal insan yang holistik dari aspek Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelek (JERI).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
(PAYA BESAR)**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2009 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B Dato' Abdul Manan Bin Ismail (Paya Besar) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan tidakkah Kerajaan bercadang mengadakan program Latihan Jayadiri, Teknikal dan Kemahiran bagi penerima bantuan kebajikan masyarakat supaya mereka terbimbing kepada jayadiri di masa akan datang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sememangnya memberi penekanan kepada pelaksanaan, dengan izin, *productive welfare* melalui program latihan jayadiri, teknikal dan kemahiran supaya penerima bantuan yang produktif dapat berdikari dan meningkatkan taraf hidup serta tidak bergantung kepada bantuan kebajikan untuk tempoh yang lama.

Usaha ini adalah selaras dengan Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama (*National Key Performance Indicators* (N-KPI) bagi (*National Key Result Areas*) NKRA ke empat iaitu meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah. Inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan termasuklah:

- i) Menyediakan latihan kemahiran dan peluang menjana pendapatan kepada kumpulan yang produktif. Antaranya ialah melalui pembiayaan modal, program-program pengurusan, latihan dan pemasaran di dalam industri tani;
- ii) Menyediakan bantuan kebajikan dan lain-lain bentuk sokongan yang bersesuaian kepada pemohon, dan
- iii) Membangunkan kemampuan untuk berdikari melalui program perubahan minda.

Dalam melaksanakan inisiatif ini, Kementerian berkerjasama dengan beberapa Kementerian dan agensi seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui agensi di bawahnya seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) yang menyediakan program bagi membantu golongan miskin seperti kelas jahitan, masakan, kraftangan dan lain-lain.

Selain itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula melaksanakan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB). Pelbagai program disediakan termasuk program pendidikan dan latihan bagi menjana ekonomi golongan miskin. Program ini walau bagaimanapun akan dipindahkan dari KPKT kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

Agensi-agensi lain seperti Amanah Iktiar Malaysia (AIM) juga turut menyediakan skim pembiayaan kepada golongan miskin luar bandar untuk menjana sumber pendapatan sendiri melalui perusahaan kecil-kecilan.

Program-program latihan kemahiran yang dilaksanakan oleh Jabatan atau agensi seperti yang dinyatakan dapat membantu penerima bantuan kebajikan masyarakat berdikari dan menjana pendapatan sendiri.

SOALAN NO: 20

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : YB DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : ISNIN, 2 NOVEMBER 2009

RUJUKAN : 02

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :

keadaan pelan tempatan Kuala Lumpur setakat mana PSKL2020 dapat dilaksanakan di dalam semua aspek untuk menjadikan KL sebagai bandar raya tropika bertaman lagi bercahaya bertaraf antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, dalam usaha untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya tropika bercahaya bertaraf antarabangsa, **selaras dengan objektif yang telah digariskan dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur (PSKL) 2020**, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengambil pelbagai inisiatif untuk mengekal dan menambah kawasan lapang awam.

Ke arah merealisasikan Bandar Raya Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya tropika bercahaya bertaraf antarabangsa, DBKL telah melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut :

- i) **mengekalkan kawasan lapang awam sedia ada;**
- ii) **membangunkan taman-taman rekreasi baru secara berterusan;**
- iii) **mengenal pasti kawasan-kawasan yang boleh dikekalkan sebagai kawasan hijau** seperti tanah DBKL di Pantai Dalam–Bukit Gasing;
- iv) **menjalankan program menanam pokok rendang di tepian jalan, kawasan lapang dan taman-**

taman. Dijangkakan sebanyak 12,000 batang pokok rendang akan ditanam setahun dan program ini telah dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RM Ke-9);

- v) **menjalankan projek-projek landskap dan pengindahan bandar;**
- vi) **mengezonkan kawasan-kawasan baru untuk kegunaan kawasan lapang awam; dan**
- vii) **memastikan setiap pemaju pembangunan, memperuntukkan sekurang-kurangnya 10% daripada kawasan yang dibangunkan untuk dijadikan kawasan lapang awam.**

Selain dari itu, Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL juga telah menggariskan beberapa **polisi untuk dilaksanakan di peringkat tempatan, yang bertujuan untuk melindungi dan mempertingkatkan taman-taman dan sungai-sungai di kawasan Bandar Raya Kuala Lumpur.**

Selaras dengan usaha untuk melindungi dan mempertingkatkan taman-taman dan sungai-sungai di kawasan bandar, Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur (DPBRKL) 2020 telah mengenal pasti

beberapa **inisiatif dan pelan yang perlu dilaksanakan dalam tempoh 12 tahun akan datang**, seperti berikut :

- a) bagi **tujuan meningkatkan akses ke taman awam**, 3 hala tuju strategik yang telah digariskan dalam DPBRKL 2020 adalah :
 - i) menyediakan taman awam dan kawasan rekreasi;
 - ii) memastikan penyediaan taman dalam bandar; dan
 - iii) menyediakan kemudahan rekreasi berkualiti.

- b) bagi **tujuan meningkatkan nilai kemudahan koridor sungai** pula, 2 hala tuju yang ditetapkan adalah :
 - i) menambahbaik koridor sungai; dan
 - ii) mengkhaskan zon aktiviti koridor sungai.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada perancangan dan pelaksanaan pelan tempatan yang lengkap, kerjasama padu dari semua pihak adalah amat diharapkan untuk sama-sama membantu Kerajaan bagi merealisasikan hasrat bagi menjadikan Bandar Raya Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya tropika bercahaya bertaraf antarabangsa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
[KUALA SELANGOR]
TARIKH : 2 NOVEMBER 2009
SOALAN :

Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kementerian bersedia untuk membentangkan Rang Undang-undang TCM atau Perubatan Tradisional dan Komplementari setelah sekian lama modaliti rawatan ini diperkenalkan dalam sistem kesihatan di negara ini. Berapa banyakkah kes-kes yang telah membabitkan 'negligence' dan salah-laku oleh pengamal-pengamal TCM ini yang telah dilaporkan oleh pesakit.

Tuan Yang di-Pertua,

Draf Rang Undang-undang Perubatan Tradisional dan Komplementari telah siap disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Objektif Rang Undang-undang ini adalah untuk memastikan amalan Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) yang dipraktikkan oleh pengamal adalah selamat dan berkesan serta diamalkan oleh pengamal yang

berkelayakan. Rang Undang-undang ini juga diperlukan untuk mengawal amalan Perubatan Tradisional dan Komplementari dan industri yang berkaitan supaya dapat berkembang dengan sihat bagi keselamatan pengguna. Dengan itu Negara serta rakyat mendapat manfaatnya.

Rang Undang-undang Perubatan Tradisional dan Komplementari masih diteliti oleh pengurusan atasan Kementerian Kesihatan dan akan di kemukakan ke Peguam Negara pada akhir tahun ini untuk tindakan seterusnya. Adalah menjadi hasrat Kementerian Kesihatan supaya undang-undang ini dapat dibentangkan di Parlimen dengan segera

Buat masa ini, pihak Kementerian tiada menerima kes-kes yang membabitkan kecuaiian dan salahlaku oleh pengamal-pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari ini yang telah dilaporkan oleh pesakit sejak perkhidmatan ini mula dipraktikkan pada Oktober 2007 di 3 buah hospital perintis.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Tuan Tony Pua Kiam Wee
[Petaling Jaya Utara]**

TARIKH : 02 Nov 2009 (Isnin)

SOALAN : 20

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- a) siapakah ahli pasukan petugas khas yang diketuai oleh Tan Sri Sidek Hassan untuk menyiasat skandal Zon Bebas Pelabuhan Kelang; dan
- b) bila dan adakah hasil siasatan akan diumumkan ataupun diklasifikasikan sebagai OSA.

JAWAPAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Tuan Yang Dipertua,

Ahli-ahli Pasukan Petugas Khas Projek Pembangunan Port Klang Free Zone yang diketuai oleh Y.Bhg. Tan Sri Ketua Setiuasaha Negara adalah seperti berikut:-

- a) Y. Bhg. Tan Sri Ismail Adam,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;
- b) Y. Bhg. Tan Sri Abdul Gani Patail,
Peguam Negara;

- c) Y. Bhg. Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah,
Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan;
- d) Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang,
Ketua Audit Negara;
- e) Encik Kee Lian Yong,
Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Kelang;
- f) Y. Bhg. Tan Sri (Dr.) Lin See Yan,
Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif LIN Associates Sdn. Bhd.;
- g) Encik Vinayak P. Pradhan,
Rakan Kongsi, Tetuan Skrine and Co.;
- h) Encik Chin Kwai Fatt,
Pengarah Urusan, PricewaterhouseCoopers Advisory Services;
- i) Encik Abdul Rahim bin Abdul Hamid,
Presiden, Malaysian Institute of Accountants; dan
- j) Y. Bhg. Dato' Redza Rafiq Bin Abdul Razak,
Timbalan Presiden, Malaysian Institute of Corporate Governance.

Pasukan Petugas Khas ini akan menyiapkan tugasnya dalam tempoh 6 bulan dan kenyataan akhbar Ketua Setiausaha Negara bertarikh 7 Oktober 2009 mengenai Pasukan Petugas Khas Projek Pembangunan Port Klang Free Zone adalah berkaitan.

Keputusan samada laporan Pasukan Petugas Khas akan diumumkan kepada awam akan ditentukan oleh Kerajaan kelak.

SOALAN NO. (23)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2009 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kementerian akan meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 untuk memudahkan pondok keselamatan sekuriti didirikan di kawasan perumahan dan membenarkan lebih kawasan perumahan diubah sebagai 'komuniti terpagar' (gated community).

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang membenarkan pembangunan komuniti berpagar atau *gated community* adalah di bawah Akta Hakmilik Strata 1984 (pindaan 2007) sementara pembinaan sesebuah komuniti berpagar hendaklah selaras dengan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Pindaan Akta Hakmilik Strata 1985 yang berkuatkuasa pada 12 April 2007 telah menambah satu peruntukkan khusus bagi membenarkan penubuhan komuniti berpagar. Dengan adanya peruntukan ini, Jawatankuasa Penduduk atau Perbadanan Pengurusan adalah sah dari aspek perundangan untuk membina pagar dan palang jalan bagi kawasan skim berkenaan. Ini kerana perkara-perkara seperti jalan dan kawasan lapang adalah menjadi harta bersama di bawah

pentadbiran perbadanan pengurusan bagi sesuatu skim komuniti berpagar.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) buat masa ini tidak berhasrat untuk meminda Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 bagi membangunkan komuniti berpagar memandangkan undang-undang lain sedia ada didapati memadai.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2009

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB LISAN**

DARIPADA : **Tuan Lim Guan Eng [Bagan]**

TARIKH : **02 Nov 2009 (ISNIN)**

SOALAN : **2024**

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bila Jeti Swettenham akan siap dibina dan beroperasi, dan perbadanan manakah yang akan menguruskan jeti kelak serta hasil kajian kemerosotan pelabuhan dan feri Pulau Pinang. Berapakah kerugian feri dan mengapakah bilangan feri dikurangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Tarikh siap praktikal bagi projek pembinaan semula Jeti Swettenham adalah pada 15 Oktober 2009 dan Jeti Swettenham ini dijangka akan mula beroperasi pada bulan Januari 2010. Walaubagaimanapun ini adalah tertakluk kepada pengeluaran Sijil Layak Menduduki dari Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang. Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang akan menguruskan Jeti Swettenham.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah pengendalian kargo di Pelabuhan Pulau Pinang sejak 5 tahun kebelakangan secara amnya adalah dalam *trend* meningkat. Namun begitu pada tahun 2008, jumlah kendalian kargo di Pelabuhan Pulau Pinang telah menurun sebanyak 4.5% iaitu dari 27 juta tan pada tahun 2007 kepada 26 juta tan disebabkan oleh kesan kemelesetan ekonomi global.

Bagi tahun 2008, operasi feri Pulau Pinang telah mengalami kerugian sebanyak RM24.4 juta. Adalah tidak benar bahawa bilangan feri yang beroperasi telah dikurangkan sebab kesemua 8 buah feri masih dalam perkhidmatan. Walau bagaimanapun, bagi sesuatu masa, hanya 6 buah feri akan beroperasi manakala sebuah feri akan dihantar ke limbungan untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan sebuah lagi diletakkan dalam keadaan siap siaga. Ini merupakan amalan semasa pengendalian operasi feri Pulau Pinang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
(PARIT BUNTAR)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **02.11.2009**

Soalan no. : **25**

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa (Parit Buntar) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah elemen bonus dimasukkan dalam skim Kerajaan kakitangan awam bagi memastikan ia dibayar setiap tahun dan adakah Kerajaan bersetuju untuk menilai semula kadar faedah kakitangan awam yang membuat pinjaman perumahan daripada 4 peratus hari ini kepada 1 peratus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Elemen bonus tidak dimasukkan dalam skim gaji pegawai Kerajaan. Pada prinsipnya, bonus dibayar berdasarkan prestasi dan kemampuan kewangan Kerajaan. Pada tahun ini, Kerajaan telah bersetuju supaya Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500 diberi kepada pegawai

Perkhidmatan Awam dalam Kumpulan Sokongan untuk membantu pegawai membuat persediaan musim perayaan dan juga persekolahan pada hujung tahun ini.

Untuk maklumat Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan tidak berhasrat untuk menurunkan faedah pinjaman perumahan Kerajaan dan akan mengekalkannya pada kadar 4 peratus setahun.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL
(SUNGAI PETANI)**

**TARIKH : 2 NOV 2009
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah perbelanjaan keseluruhan pengendalian Program Latihan Khidmat Negara, PLKN sejak ianya diperkenalkan sehingga September 2009; dan**
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk menjadikan program ini sebahagian dari Program Kerahan Tenaga Angkatan Tentera sekaligus mempersiapkan rakyat Malaysia sebagai anak watan yang terlatih untuk mempertahankan negaranya dan menamatkan PLKN yang menyimpang jauh dari sasarannya.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kos melaksanakan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang bermula pada Siri 1 Tahun 2004 sehingga berakhir 30 September 2009 adalah sebanyak RM3.6 billion. Pecahan perbelanjaan mengikut siri dan tahun adalah seperti berikut:

Siri / Tahun	Perbelanjaan (RM Juta)
PLKN Siri 1/2004	608.6
PLKN Siri 2/2005	604.8
PLKN Siri 3/2006	588.2
PLKN Siri 4/2007	565.0
PLKN Siri 5/2008	643.3
PLKN Siri 6/2009 (Berakhir 30 September 2009)	594.5
JUMLAH	3,604.40

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, PLKN adalah satu agenda Kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang cintakan negara, memupuk perpaduan kaum, mewujudkan semangat kesukarelaan dan melahirkan generasi muda yang mempunyai nilai-nilai murni, berkepimpinan dan berkeyakinan

diri. Kesemua nilai-nilai yang diterapkan ini adalah bertujuan untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia yang berpatriotik dan bersedia untuk Khidmat Negara. Sehubungan itu, PLKN adalah diwajibkan kepada semua remaja Malaysia yang berumur di antara 16 hingga 35 tahun mengikut Akta Latihan Khidmat Negara 2003 (Akta 628). Buat masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk menjadikan program ini sebagai Program Kerahan Tenaga Angkatan Tentera.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN
TARIKH : 2 NOVEMBER 2009 (ISNIN)
NO.SOALAN : NO. 27

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mempergiatkan usaha meningkatkan kualiti dan mutu pengajaran di IPT dan Malaysia dengan membawa masuk pakar-pakar dari universiti luar negara untuk berkhidmat di sini berbanding menghantar pelajar Malaysia yang jumlahnya lebih ramai ke luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sememangnya amat komited dalam meningkatkan kualiti pengajaran di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan selaras dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai hab pengajian tinggi serantau. Pelbagai usaha telah dilaksanakan termasuk melalui pengambilan pakar-pakar luar negara untuk menyumbang kepakaran dan berkongsi pengalaman dengan pensyarah dan penyelidik di IPT tempatan, menjalankan audit institusi dan memantapkan sektor IPTS. Program-program lain

turut diadakan seperti program *fellowship*, profesor pelawat dan penubuhan kursi-kursi pengajian di IPTA.

Kerajaan turut melaksanakan dasar *contract for service* bagi menarik minat tenaga pakar untuk berkhidmat sebagai pensyarah di IPTA. Di samping itu, usaha-usaha lain juga diadakan bagi meningkatkan kualiti IPT, seperti berikut:-

- i. menambahbaik kurikulum agar sentiasa relevan di mana, Jawatankuasa Kurikulum IPT diberi fleksibiliti untuk mengubal kurikulum dan memastikan perlaksanaan ke arah pencapaian hasil pembelajaran yang ditetapkan dan selari dengan kehendak industri;
- ii. menambah bilangan penyelidik dan mempergiat aktiviti penyelidikan dan inovasi serta menggalakkan IPT menerajui R&D bagi penerokaan dan penemuan ilmu baru dan termaju;
- iii. memperluas dan memantapkan jaringan global IPT dengan IPT terkemuka luar negara serta kalaborasi antarabangsa dengan syarikat multinasional dan pihak swasta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Nr: 28

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG
[BATU]

TARIKH JAWAPAN : 2 NOVEMBER 2009 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN : NO. 28

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan:-

- (a) apakah pendirian Kerajaan Pusat bagi menyelesaikan isu konsesi air Selangor demi kepentingan rakyat Selangor; dan
- (b) adakah Kerajaan menggalakkan penjana tenaga daripada teknologi hijau berbanding dengan tenaga nuklear.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Persekutuan sangat komited dalam usaha melaksanakan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air di negeri Selangor. Sejak awal lagi, Kerajaan Persekutuan sentiasa menekankan bawah penstrukturan semula ini perlu dimuktamadkan segera bagi memastikan perkhidmatan bekalan air yang berterusan kepada rakyat. Pada ketika ini, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan

Negeri Selangor dan semua pemegang konsesi air di negeri Selangor sedang dalam proses rundingan bagi mencapai permuafakatan dan persetujuan untuk memuktamadkan penstrukturan semula industri air di negeri Selangor. Sasaran yang ditetapkan untuk memuktamadkan penstrukturan semula ini ialah pada akhir Disember 2009. Dengan pendirian sedemikian, Kerajaan Persekutuan yakin bahawa model penstrukturan semula yang akan dilaksanakan kelak akan memaparkan struktur industri dalam jangka masa panjang dan pada masa yang sama melindungi kepentingan dan memberikan manfaat kepada pengguna di negeri Selangor.

Tuan Yang Dipertua,

(b) Kerajaan sememangnya menggalakkan penggunaan teknologi hijau dan telah menggubal Dasar Teknologi Hijau Negara untuk menjadikan teknologi hijau sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara ke arah pembangunan yang mampan. Salah satu daripada empat tunggak Dasar tersebut ialah penggunaan teknologi hijau dalam penjanaan tenaga termasuklah tenaga elektrik.

Dalam merancang keperluan elektrik negara, Kerajaan perlu mempelbagaikan sumber bahan api bagi penjanaan elektrik supaya tidak terlalu bergantung pada bahan api tertentu kerana ia boleh menjejaskan keselamatan bekalan elektrik negara. Pada masa ini, negara kita bergantung pada gas dan arang batu untuk membekalkan lebih 90% daripada keperluan elektrik negara khususnya di Semenanjung. Kebergantungan kepada gas dan arang batu yang menghadapi

kekangan bekalan dengan harga yang tidak menentu, akan menjejaskan keselamatan bekalan elektrik negara.

Oleh itu, opsyen-opsyen perbekalan elektrik dari sumber-sumber alternatif perlu diterokai bagi mengurangkan kebergantungan kepada gas dan arang batu termasuklah opsyen penggunaan teknologi hijau dan nuklear bagi penjanaan elektrik. Kerajaan sememangnya mengamalkan dasar terbuka dalam menimbangkan semua opsyen penjanaan elektrik yang ada bagi memastikan campuran bahan api penjanaan elektrik yang optimum.

Justeru, Kementerian saya bersama-sama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sedang meneliti keupayaan dan kesediaan negara untuk melaksanakan program pembangunan nuklear bagi penjanaan elektrik untuk memenuhi keperluan bekalan elektrik negara pasca 2025. Pelbagai aspek seperti perundangan, kawal selia, pembangunan sumber manusia dan sebagainya akan dikaji untuk menilai kesediaan negara dalam bidang ini. Hasil kajian tersebut akan menyediakan asas yang lebih kukuh dalam membantu pihak Kerajaan untuk menimbangkan opsyen penggunaan nuklear bagi penjanaan elektrik pasca 2025.

Pada masa yang sama, Kementerian saya sedang mengkaji mekanisme-mekanisme yang sesuai termasuklah mekanisme *feed-in tariff*, dengan izin, untuk memacu pembangunan tenaga boleh diperbaharu bagi penjanaan elektrik di negara ini dengan pesat.

NW: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
(PERMATANG PAUH)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **02.11.2009**

Soalan no. : **29**

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Permatang Pauh) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan default rate bon-bon yang dipasarkan dalam pasaran Negara dan implikasinya ke atas pasaran kewangan Negara, Nyatakan situasi semasa pasaran bon Negara berbanding dengan negara-negara serantau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk maklumat Yang Berhormat, walaupun keadaan pasaran kewangan dunia terus berada di dalam keadaan yang mencabar pada tahun 2009, pasaran Ringgit bon Malaysia kekal kukuh. Pada pertengahan tahun ini, agensi-agensi penarafan kredit Malaysia telah menganggar kadar kredit mungkir bon tempatan akan meningkat dari

1.72% pada tahun 2008 kepada 4.8% pada tahun 2009. Akan tetapi setakat 13 Oktober 2009, kadar kredit mungkir bon tempatan hanya berada pada tahap 2.75% dan kadar ini masih rendah berbanding dengan kadar 8.7% semasa krisis ekonomi Asia pada tahun 1997/98.

2. Ketika ini, pasaran bon Malaysia merupakan pasaran bon yang terbesar di ASEAN dan yang ketiga terbesar di Asia (kecuali Jepun). Dari segi pertumbuhan, saiz pasaran bon Malaysia terus berkembang kepada RM635 bilion pada akhir suku ketiga tahun 2009, berbanding dengan RM585 bilion pada penghujung tahun 2008. Daripada jumlah RM635 bilion ini, sebanyak RM291 bilion atau 46% terdiri daripada bon korporat. Daripada jumlah bon korporat ini, 58% distrukturkan di bawah prinsip Islam.

3. Sehingga suku ketiga tahun ini, sejumlah RM45 bilion bon korporat telah diterbitkan di dalam pasaran modal berbanding RM47 bilion yang telah diterbitkan dalam tempoh yang sama tahun 2008. Namun demikian, jumlah terbitan bon untuk keseluruhan 2009 dijangka melebihi jumlah RM50 bilion yang telah diterbitkan pada tahun 2008.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2009

SOALAN:

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-

- (a) kenapa siasatan ke atas laman web Malaysiakini dilakukan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) walaupun langkah tersebut bercanggah dengan Perkara 7 dalam Bill of Guarantee Multimedia Super Corridor (MSC); dan
- (b) langkah-langkah yang perlu telah diambil untuk memastikan tiada lagi sekatan melampaui batas diambil oleh SKMM.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan memberikan jaminan atau dengan izin, *Bill of Guarantee*, kepada syarikat-syarikat yang memperoleh status *Multimedia Super Corridor* (MSC). Walau bagaimanapun, jaminan ini tidak memberi sebarang imuniti kepada mana-mana pihak untuk melakukan aktiviti yang bercanggah dengan undang-undang negara melalui perantaraan Internet malah syarikat-syarikat bertaraf MSC juga perlu memastikan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh mereka dalam *Internet* mematuhi semua undang-undang negara yang berkaitan.

Berikutan aduan dari orang ramai yang diterima oleh SKMM, satu siasatan telah dijalankan terhadap laman sesawang www.malaysiakini.com berkaitan penyiaran klip video bertajuk "*Temple Demo: Residents march with cow's head*" pada 28 Ogos 2009 dan "*Hisham: Don't blame cow-head protesters*" pada 2 September 2009 yang telah dimuat naikkan ke dalam laman sesawang tersebut.

Siasatan yang dijalankan adalah kerana SKMM mengesyaki berlakunya pelanggaran terhadap peruntukan Seksyen 211 dan Seksyen 233 (1)(a) Akta Komunikasi & Multimedia (AKM) 1998 yang memperuntukkan bahawa seseorang tidak boleh menggunakan kemudahan perkhidmatan aplikasi kandungan untuk membuat apa-apa komunikasi yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya.

Sehubungan dengan itu, penyiasatan kes ini bukanlah menjurus kepada isu penapisan Internet sebaliknya ianya adalah penyiasatan berdasarkan pelanggaran undang-undang bagi kesalahan yang mungkin atau telah berlaku di bawah AKM 1998.

Seksyen 263 (2) AKM 1998 menetapkan bahawa adalah menjadi kewajipan pemegang lesen membantu SKMM atau pihak berkuasa lain, setakat yang munasabah, untuk mencegah perlakuan sesuatu kesalahan di bawah mana-mana undang Malaysia.

Dalam hal ini, sebagai langkah untuk mencegah perlakuan sesuatu kesalahan di bawah undang-undang Malaysia, arahan untuk menyekat laman-laman sesawang dan blog adalah merupakan satu bentuk tindakan yang dibenarkan di bawah AKM 1998. Oleh yang demikian, ia tidak bercanggah dengan peruntukan Subseksyen 3(3) akta yang sama yang tidak membenarkan penapisan Internet.

SULIT

SOALAN 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI WAN ABD RAHIM
BIN WAN ABDULLAH**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2009

**SOALAN : MEMINTA MENTERI
PELANCONGAN menyatakan:**

Tarikh - tarikh lawatannya ke negeri-negeri seluruh Malaysia dalam usaha penggalakkan pelancongan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua

Tarikh - tarikh lawatan ke negeri - negeri seluruh Malaysia dalam usaha penggalakkan pelancongan melalui acara Tourism Malaysia setakat ini adalah seperti berikut:

SULIT

SULIT

1.	MIDTF 2009	KUALA LUMPUR	8-12 JAN 2009
2.	ZOOM! MALAYSIA TRAVEL FAIR	PENANG	27 FEB - 1 MAC 2009
3.	MATTA FAIR KL	KUALA LUMPUR	13-15 MAC 2009
4.	COLOURS OF MALAYSIA TOURISM PROMOTION FAIR	KUALA LUMPUR	23-29 APRIL 2009
5.	MIHAS	KUALA LUMPUR	6-10 MEI 2009
6.	MIGP 2009	KUALA LUMPUR	20-22 MEI 2009
7.	GLOBAL INDIA SHOPPING	KUALA LUMPUR	29 MEI - 7 JUN 2009
8.	MATTA FAIR PENANG	PENANG	3-5 JUN 2009
9.	MALAYSIA DOMESTIC TOURISM FAIR	KUALA LUMPUR	3-5 JULAI 2009
10.	CUTI - CUTI MALAYSIA TRAVEL FAIR	SARAWAK	31 JULAI - 2 OGOS 2009
11.	PESTA CUTI-CUTI 1 MALAYSIA & JAMUAN HARI RAYA BERSAMA INDUSTRI PELANCONGAN	NEGERI SEMBILAN	27 SEPTEMBER 2009

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI MOKHSIN FADZIL HAJI
SAMURI [BAGAN SERAI]
TARIKH : 2 NOVEMBER 2009 (ISNIN)
SOALAN : ~~31~~

Tuan Haji Mokhsin Fadzil Haji Samuri minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah tindakan penambahbaikan yang telah diambil terhadap perkhidmatan Komuter bagi laluan Seremban Rawang yang kerap lewat jadual sejak akhir-akhir ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menambahbaik perkhidmatan Kereta api Tanah Melayu (KTM) Komuter, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah melaksanakan beberapa pendekatan drastik *out of the box* seperti berikut:

- i. penggunaan koc-koc antarabandar mulai 17 Mac 2009 bagi membantu mengurangkan kesesakan penumpang di laluan Seremban - Rawang;
- ii. memperkenalkan set tren KTM Komuter Hibrid mulai 15 Mei 2009. KTM Komuter Hibrid adalah set *Electric Multiple Unit* (EMU) (3 car set) yang ditarik oleh satu unit lokomotif serta dilengkapi dengan satu unit *Power Generating Car* (PGC) bagi menyalurkan kuasa elektrik untuk lampu, penghawa dingin

dan pintu automatik. Kini sebanyak enam set KTM Komuter Hibrid sedang beroperasi sepanjang hari bagi stesen-stesen berkepadatan tinggi di kedua-dua laluan Seremban - Rawang dan Sentul - Pelabuhan Klang. KTM Berhad juga sedang mengkaji kesesuaian dari segi teknikal untuk penambahan koc pada tren-tren Hibrid sedia ada, daripada tiga koc kepada enam koc; dan

- iii. menambah kapasiti KTM Komuter dengan menggunakan tren *shuttle* (ulang-alik) antarabandar KL Sentral - Ipoh untuk terus ke Kajang membawa penumpang komuter pada waktu puncak di sebelah pagi dan petang mulai 19 Ogos 2009.

Di samping itu juga, KTMB telah melaksanakan pendekatan berikut mulai bulan Oktober 2009 bagi menambahbaik perkhidmatan komuternya:

- i. melanjutkan perkhidmatan tren No.7 Ekpress Langkawi ke stesen Kajang dari KL Sentral mulai 15 Oktober 2009. Tren ini juga akan membuat perjalanan dari Kajang - Sg. Buloh - KL Sentral. Ini bagi menampung keperluan para penumpang di waktu puncak pagi;
- ii. menjadualkan semula jadual perjalanan tren komuter mulai 1 November 2009 di mana tumpuan akan diberikan kepada kawasan zon padat (*high density zone*). Perkhidmatan tren di kawasan ini adalah setiap 15 minit pada waktu puncak pagi dan petang dan 30 minit untuk waktu luar puncak; dan
- iii. meningkatkan perkhidmatan tren komuter pada kekerapan 10 minit pada waktu puncak di kawasan zon padat (*high density zone*) mulai pertengahan tahun 2010.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' IBRAHIM BIN ALI

TARIKH : 2 NOVEMBER 2009

SOALAN

YB Dato' Ibrahim Bin Ali [Pasir Mas] minta PERDANA MENTERI menyatakan akan keistimewaan kedudukan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan yang dijamin Perlembagaan Fasal 153, walaupun kebebasan diberi kepada penganut-penganut agama lain. Apakah penganut-penganut agama lain boleh berbuat sesuka hati seperti mendirikan kuil ataupun rumah-rumah ibadat dalam kawasan majoriti umat Islam atau melakukan upacara-upacara ibadat yang mengganggu majoriti umat Islam boleh dilakukan atas alasan kebebasan beragama.

JAWAPAN : YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa Islam ialah agama rasmi bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan. Sumpah jawatan oleh Yang di-Pertuan Agong untuk memelihara agama Islam pada setiap masa yang diperuntukkan dalam Jadual Keempat Perlembagaan Persekutuan juga membuktikan kedudukan agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan. Peruntukan-peruntukan lain yang menjamin kedudukan agama Islam bagi Persekutuan ialah Fasal (4) Perkara 11, Fasal (2) Perkara 12, Fasal (2) Perkara 74, Fasal (1A) Perkara 121 dan butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Islam sebagai agama rahmat telah mengajar penganutnya supaya mengamalkan sikap toleransi antara satu sama lain dan menerima hak kebebasan orang lain untuk menganut dan mengamalkan ajaran agama masing-masing.

Fasal (1) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan telah menyatakan bahawa tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya. Fasal (4) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan telah memberi kuasa kepada negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan untuk menggubal undang-undang bagi mengawal dan menyekat pengembangan doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang Islam. Hak kebebasan beragama ini tidaklah mutlak sebagaimana yang telah diputuskan oleh Mahkamah. Orang bukan Islam di Malaysia telah

diberi kebebasan untuk mengamalkan ajaran agama mereka dan meraikan perayaan mereka. Ini terbukti dengan pembinaan kuil orang Hindu di Batu Caves yang telah diiktiraf sebagai salah satu tempat beribadat yang terbesar di dunia dan juga patung Budha yang terbesar dibina di Tumpat, Kelantan. Kerajaan turut memberikan cuti umum kepada seluruh rakyat Malaysia bagi meraikan perayaan utama orang bukan Islam.

Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan hanya memperuntukkan tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum lain mengikut Perkara itu. Ia tidak berkaitan dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat.

Berkenaan dengan pembinaan tempat ibadat, tanggungjawab untuk memberikan kelulusan pembinaan tempat keagamaan bukan Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan yang sewajarnya mengambil kira sensitiviti penduduk majoriti orang Islam yang tinggal di sesuatu tempat sebelum apa-apa kelulusan mengenainya diberikan. Pembinaan tempat beribadat tidak boleh didirikan dengan sesuka hati atas alasan kebebasan beragama. Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan perlu mengambil kira garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa berkaitan dengan perancangan tempat keagamaan selain Islam seperti tokong, kuil, gereja dan gurdwara. Garis Panduan itu menunjukkan bahawa pembangunan tempat keagamaan perlu berlandaskan piawaian tadahan penduduk yang telah ditetapkan. Garis panduan itu juga tidak menjejaskan hak penganut tertentu untuk menjalankan aktiviti keagamaan kerana piawaian tadahan penduduk bagi kawasan tertentu boleh bergabung dengan kawasan sekitarnya bagi membolehkannya membangunkan sebuah tempat keagamaan sama ada

dalam bentuk tempat keagamaan keajiraan ataupun tempat keagamaan utama.

Berdasarkan undang-undang yang berkuat kuasa, semua kumpulan agama di Malaysia hendaklah mematuhi semua undang-undang dan tatacara yang telah ditetapkan dalam pembinaan tempat keagamaan. Pembinaan kuil atau rumah ibadat perlu mendapat kebenaran merancang dan kelulusan bertulis pihak berkuasa tempatan terlebih dahulu. Oleh yang demikian, mana-mana tempat keagamaan yang dibina tanpa mengikut undang-undang akan dikenakan tindakan undang-undang termasuklah dirobuhkan. Ia tidak boleh didirikan dengan sesuka hati atas alasan kebebasan beragama.

Sekian. Terima kasih.

No: 34.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)**
PERTANYAAN : **LISAN**
TARIKH : **02.11.2009**
Soalan no. : **34**

Tuan Lim Guan Eng (Bagan) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebabnya Pulau Pinang tidak memperolehi RM25 juta yang dijanjikan oleh YAB. Perdana Menteri tetapi disalurkan kepada Khazanah sedangkan Kerajaan Negeri Melaka mendapat RM25 juta menerusi Chief Minister Incorporated (CMI) untuk memelihara Tapak warisan UNESCO George Town-Melaka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bagan pada 2 November 2009, Yang Berhormat Tanjong pada 5 November 2009, Yang Berhormat Jelutong pada 26 November 2009 dan Yang Berhormat Bukit Bendera pada 3 Disember 2009 mempunyai

persamaan dan saling berkaitan di antara satu sama lain. Oleh itu, saya akan menjawab soalan-soalan tersebut dalam satu jawapan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, penyenaiaan Melaka dan George Town sebagai tapak warisan oleh UNESCO merupakan pengiktirafan tertinggi ke atas Khazanah Negara. Selaras dengan pengiktirafan berkenaan, semasa pembentangan bajet 2009, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM50 juta untuk kerja-kerja pemuliharaan tapak warisan berkenaan. Ini merupakan satu peruntukan khas yang hanya disediakan untuk tahun 2009. Peruntukan tahunan biasanya disediakan di bawah Jabatan Warisan Negara, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Bajet 2009 juga menyebut bahawa peruntukan ini adalah untuk menyokong aktiviti yang dilaksanakan oleh NGO dan sektor swasta. Selaras dengan itu, sebanyak RM20 juta diperuntukkan bagi Pulau Pinang dan RM30 juta bagi Melaka. Peruntukan sebanyak RM20 juta telah disalurkan kepada Khazanah Nasional Berhad untuk pemuliharaan tapak warisan dunia di Pulau Pinang. Khazanah Nasional Berhad diberi tanggung jawab untuk melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan tapak warisan di Pulau Pinang kerana syarikat berkenaan terlibat dalam pembangunan bersepadu Koridor Utara (NCER) termasuklah pembangunan Bandar George Town, Pulau Pinang.

Sementara itu, sebanyak RM30 juta telah disalurkan kepada Kumpulan Wang Warisan di bawah kawalan Jabatan Warisan Negara,

Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan untuk pemuliharaan tapak warisan di negeri Melaka.

Secara dasarnya, peruntukan yang disediakan bagi kedua-dua tapak warisan berkenaan adalah untuk kegunaan seperti berikut:

- i. Penyediaan Pelan Pengurusan Pemeliharaan bertujuan menentukan polisi berkaitan aspek-aspek warisan dipatuhi selaras dengan kehendak UNESCO.
- ii. *Penyediaan Special Area Plan (SAP)* merupakan sebuah pelan pemantauan di bawah Seksyen 16B(1) Akta Perancang Bandar dan Desa 1976. Ia disediakan sebagai kawalan perancang dan panduan pada peringkat yang lebih terperinci berdasarkan analisa tipologi-tipologi bangunan, komposisi social fabric satu-satu kawasan.
- iii. Penyediaan inventori setiap bangunan warisan dalam kawasan zon utama yang lebih komprehensif yang bertujuan untuk menaiktaraf sistem inventori sedia ada untuk setiap bangunan warisan yang terletak dalam tapak Warisan Dunia. Selain itu, ia juga bagi memastikan kerja-kerja pemantauan, konservasi dan dokumentasi yang lebih berkesan.
- iv. Penyediaan Manual Penyelenggaraan dan pembaikan untuk pemilik bangunan (Home Owner's Manual for Repair and maintenance) yang bertujuan memastikan setiap pemilik

mengetahui perkara yang boleh dilakukan dan yang tidak boleh dilakukan ke atas bangunan mereka.

- v. Pelaksanaan projek-projek yang telah dikenal pasti dalam Pelan Pengurusan yang melibatkan kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan pelbagai jenis bangunan seperti rumah kedai, rumah ibadat, pemeliharaan warisan Kebudayaan Tak Ketara, Program Kesedaran Warisan, Pelaksanaan Pelan pengurusan Pelancongan, Pelaksanaan Pelan pengurusan trafik, Pelaksanaan Strategik Pemantauan dan lain-lain lagi.

Bagi memastikan projek pemuliharaan tapak warisan di Pulau Pinang dan Melaka berjalan lancar, Khazanah Nasional Berhad dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan akan mengemukakan laporan kemajuan perbelanjaan dan projek setiap suku tahun kepada Kementerian Kewangan.

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI TENGGU AZLAN IBNI
ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR
(JERANTUT)**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2009 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Almarhum Sultan Abu Bakar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional di sebalik tidak menamakan Agama dan Bangsa di dalam pengisian borang-borang rasmi.

JAWAPAN: (oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan masih dalam proses mengkaji cadangan untuk mengugurkan butiran atau maklumat dalam borang-borang yang dikeluarkan oleh Kerajaan yang dilihat sebagai mewujudkan jurang antara kaum, seperti maklumat mengenai bangsa atau kaum dan agama. Cadangan ini dikemukakan selaras dengan konsep 1Malaysia, supaya tidak lagi membeza-bezakan antara kaum.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTIH)

TARIKH : 2 NOVEMBER 2009 (ISNIN)

SOALAN :

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputih) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan statistik kes perceraian di kalangan kaum Cina, India, Melayu, Kadazan, Iban, Orang Asli dan lain-lain di negara kita pada 10 tahun yang lepas. Nyatakan bilangan kursus perkahwinan yang dianjurkan oleh pihak Kementerian dalam 5 tahun yang lepas dan bilangan pasangan yang menghadiri kursus berkenaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), bilangan perceraian bagi Orang Islam dan Orang Bukan Islam bagi tahun 2000 hingga 2007 adalah seperti berikut:

Statistik Perceraian di Malaysia

Tahun	Orang Islam	Orang Bukan Islam
2000	13,536	1,613
2001	13,187	3,238
2002	13,841	3,793
2003	15,543	3,318
2004	16,509	3,291
2005	17,708	3,804
2006	21,419	5,747
2007	20,529	4,335

Sumber: JAKIM dan Jabatan Pendaftaran Negara

Statistik perceraian mengikut suku kaum seperti kaum Cina, India, Kadazan, Iban, Orang Asli dan lain-lain pula tidak diperolehi oleh Kementerian.

Sungguhpun bilangan perceraian telah meningkat bersesuaian dengan pertambahan bilangan perkahwinan, peratusan bercerai/ berpisah bagi penduduk yang berumur 15 tahun dan ke atas adalah kecil iaitu 0.8 peratus berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2000.

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2004 pula mendapati perceraian/perpisahan di kalangan wanita Melayu/Bumiputera ialah 2.7 peratus di Semenanjung Malaysia dan 2.1 peratus di Sabah dan 3.2 peratus di Sarawak.

Meskipun peratusan ini kecil, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memandang serius akan pertambahan bilangan perceraian dan perpisahan tetap dan sentiasa meningkatkan program untuk mengukuhkan institusi kekeluargaan dan pemantapan perkahwinan.

Mulai tahun 2006, Kementerian melalui LPPKN memperkenalkan dan melaksanakan program Kursus Praperkahwinan SMARTSTART kepada pasangan yang akan dan baru berkahwin tempoh perkahwinan 5 tahun ke bawah. Sehingga September 2009, sejumlah 243 program telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 8,084 orang (3,931 Lelaki dan 4,153 Perempuan).

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SIVARASA A/L RASIAH (SUBANG)

TARIKH : 2 NOVEMBER 2009

SOALAN 37 : TUAN SIVARASA A/L RASIAH minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan langkah Kementerian untuk mengatasi permasalahan yang timbul di kalangan penduduk di Papua Guinea, akibat pembalakan secara berleluasa oleh Syarikat Rimbunan Hijau, sebuah syarikat milik rakyat Malaysia yang telah menyebabkan banyak masalah setempat seperti yang dilaporkan oleh The Star pada 25 Mei 2009.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Subang di atas perhatian serta keprihatinan beliau berhubung perkara berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Pada keseluruhannya, syarikat-syarikat Malaysia yang terlibat dalam pelbagai kegiatan perniagaan dan pelaburan di Papua New Guinea, menikmati persepsi yang baik daripada pihak berkuasa negara tersebut serta masyarakat tempatan. Mereka dilihat sebagai organisasi-organisasi korporat yang bertanggungjawab dan berwibawa serta memberi sumbangan dan jasa bakti bermakna kepada kesejahteraan hidup masyarakat di tempat mereka beroperasi dan pembangunan negara berkenaan umumnya.

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Persepsi positif Kerajaan Papua New Guinea itu adalah hasil daripada pelbagai langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian Luar Negeri selama ini. Selain menasihati syarikat-syarikat Malaysia berkenaan supaya sentiasa memberi perhatian serius dalam memelihara imej dan nama baik negara, pihak Kementerian turut memainkan peranan aktif dalam menggalakkan syarikat-syarikat pembalakan negara ini yang beroperasi di Papua New Guinea untuk melaksanakan amalan-amalan pengurusan hutan terbaik selaras

dengan piawaian antarabangsa. Kementerian ini juga memupuk talian yang rapat dengan agensi–agensi berkenaan Papua New Guinea yang bertanggungjawab dalam pengurusan perhutanan serta pembangunan sumber–sumbernya untuk memastikan agensi–agensi ini sentiasa mendapat maklumat terperinci dan terkini berhubung operasi yang dijalankan oleh syarikat–syarikat pembalakan Malaysia di negara berkenaan.

4. Pada masa yang sama, Kementerian turut menggalakkan syarikat–syarikat Malaysia di Papua New Guinea melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap pembangunan sosio–ekonomi masyarakat tempatan serta memberi publisiti meluas tentang aktiviti–aktiviti amal mereka. Langkah tersebut diharap dapat merapatkan lagi hubungan syarikat–syarikat Malaysia yang beroperasi di negara itu dengan masyarakat tempatan sekali gus memberi perspektif sebenar kepada masyarakat tempatan bahawa syarikat–syarikat Malaysia menitikberatkan aspek tanggungjawab sosial mereka dalam menyokong proses pembangunan Papua New Guinea.

Tuan Yang Di–Pertua,

5. Kementerian Luar Negeri akan terus memantau dan berinteraksi rapat dengan syarikat–syarikat berkenaan supaya mereka terus menjalankan kegiatan–kegiatan perniagaan masing–masing mengikut undang–undang dan garis panduan antarabangsa dan membantu pembangunan negara tempatan demi memelihara hubungan baik antara Malaysia dan Papua New Guinea, dan imej Malaysia amnya.

NO. AUM : 30

NO. AUP : 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB
[BALING]**

TARIKH : 2 NOVEMBER 2009

RUJUKAN : 2084

SOALAN:

Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan Pusat boleh memberi jaminan tegas bahawa ia tidak akan mengganggu atau hendak merampas kuasa Kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor, Pulau Pinang dan Kedah secara tidak demokratik seperti apa yang dilakukannya di Perak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Ahli Yang Berhormat Baling** yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia, kerajaan tidak pernah mengganggu mana-mana kerajaan negeri sama ada yang diperintah oleh BN atau Pakatan Rakyat dalam urusan pentadbirannya, kerana Kerajaan menghormati proses demokrasi yang diamalkan di dalam negara selama ini.

Tuan Yang Dipertua,

Sungguhpun begitu, sekiranya berlaku keadaan yang boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam, maka kerajaan menerusi agensi-agensi penguatkuasa akan bertindak untuk mengambil tindakan sewajarnya berlandaskan peruntukan undang-undang dan peraturan yang sedia ada.

NO: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : **TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (MACHANG)**
PERTANYAAN : **LISAN**
TARIKH : **02.11.2009**
Soalan no. : **39**

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan ekoran keputusan Kerajaan menjual pegangan Khazanah dalam beberapa GLC's apakah sebenarnya strategi pelaburan Khazanah – pelabur jangka panjang dalam pembangunan ekonomi sektor strategik atau *market punter* bertujuan mendapatkan keuntungan jangka pendek dan jangka sederhana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai pelabur strategik Kerajaan, strategi pelaburan Khazanah adalah untuk jangka masa sederhana dan panjang dan bukannya untuk meraih keuntungan jangka masa pendek. Khazanah komited untuk mengekalkan pegangan

kawalannya dalam GLC yang dikuasainya. Ini dilakukan bagi memelihara kepentingan syarikat-syarikat ini di samping kepentingan pelabur dan juga pasaran modal secara keseluruhannya.

2. Penjualan saham yang dipegang oleh Khazanah dalam GLC tertentu, khususnya aset bukan teras (non-core assets) adalah selari dengan seruan Kerajaan bagi merealisasikan nilai (unlocking value), meningkatkan kadar kecairan saham syarikat dan seterusnya menggalakkan lagi kemasukan pelaburan luar negara. Walau bagaimanapun, Khazanah akan sentiasa memastikan penjualan saham serta pelupusan pegangannya dalam GLC dilakukan secara berhemah, sistematik, tersusun dan konstruktif.